

CNS2625

U PB 26-03 00136 BH065

bah

Mahathir-Umno

JANGAN MEMECAHBELAHKAN PARTI, PM NASTIHKAN CALON

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan calon yang akan bertanding dalam pemilihan pucuk pimpinan Umno November ini supaya menghindari daripada perbuatan yang akan memecahbelahkan parti.

"Kalau nak bertanding itu boleh, tetapi mestilah secara sopan," kata Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, kepada pemberita di rumah terbuka bagi orang kenamaan sempena Hari Raya di Seri Perdana di sini.

Katanya, mereka harus sedar bahawa tindakan beberapa orang calon pada pemilihan pucuk pimpinan Umno tahun 1987 telah menyebabkan parti itu berpecah.

Beliau mahu mereka yang akan bertanding pada tahun ini memastikan perkara ini tidak berulang lagi.

"Oleh itu, jangan buat kelakuan yang tidak elok," kata beliau. -- lagi

▼26/03/15-35MST

CNS2643

U GE 26-03 00214 BH071

bah

Mahathir-Umno 2 Kuala Lumpur

Perhimpunan agung Umno untuk memilih pucuk pimpinan parti akan berlangsung selama tiga hari mulai 4 November ini, manakala mesyuarat pergerakan Pemuda dan Wanita Umno pula akan diadakan serentak pada 3 November.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat berkata Umno telah mengemukakan saman ke atas kerajaan Sabah dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah mengenai Rang Undang-Undang Perlembagaan 1992 (Pindaan) yang diluluskan pada 24 Nov lalu.

"Peguam Umno telahpun mengemukakan saman itu kepada DUN Sabah sebagai langkah untuk mengetahui kesesuaian undang-undang baru itu yang kita fikir akan menyekat kebebasan anggota DUN," kata beliau kepada pemberita ketika dijumpai di rumah terbuka Perdana Menteri.

Pindaan itu memberi kuasa kepada dewan untuk memecat anggotanya atas sebab disiplin atau menyalahgunakan mandat yang diberikan oleh pengundi. Undang-undang ini merupakan peraturan kedua yang digubal oleh DUN Sabah untuk menyingkirkan anggotanya atas alasan tidak berdisiplin.

Pada 18 Mac lalu, Mahkamah Agung memutuskan undang-undang anti-lompat Sabah yang diluluskan oleh DUN Sabah pada 20 Mei 1986, bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan dengan itu ia tidak sah.

Berikutan itu, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun berkata beliau akan mencabar kesahihan pindaan yang diluluskan pada Nov 24 itu di mahkamah. -- lagi

▼26/03/16-29MST

CNS2647

U PB 26-03 00129 BH073

bah

Mahathir-Umno 3 (akhir) Kuala Lumpur

Mohamed berkata saman itu diumumkan beberapa hari selepas Mahkamah Agung membuat keputusannya mengenai undang-undang anti-lompat itu.

Beliau berkata, jika undang-undang terbaru itu juga dapat dibatalkan, maka Umno akan menerima keahlian kesemua sembilan ahli DUN Sabah dari Usno dengan serta merta. Dua orang lagi wakil rakyat Usno telahpun menyertai Umno sebaik sahaja Mahkamah Agung memberikan keputusannya mengenai undang-undang anti-lompat itu.

Sambil menyifatkan rang undang-undang itu sebagai "anti-demokrasi", beliau berkata, oleh kerana undang-undang itu masih "hidup" lagi, maka Umno telah menasihati mereka (ahli DUN Usno) supaya menunggu keputusan mahkamah sebelum menjadi ahli Umno.

Mengenai tarikh pemilihan pucuk pimpinan Umno peringkat cawangan dan bahagian, Mohamed berkata beliau akan mengumumkannya di Johor Bahru esok.

-- Bernama

▼26/03/16-39MST